

SISTEM PENCARIAN KERJA-KERJA RUMAH (MYWORK)

MUHAMMAD SYAFIQ FARHAN SHAFUDIN
DALBIR SINGH VALBIR SINGH

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Manusia di seluruh dunia terjejas oleh wabak Covid-19 dan banyak dari mereka kehilangan pekerjaan dan mendapat potongan gaji. Ada mereka yang melakukan pekerjaan sampingan seperti menjual barang di media sosial atau menjadi penunggang Lalamove, tetapi pilihan pekerjaan sampingan adalah terhad. Di antara orang-orang yang berjuang untuk mendapatkan duit, ada di antara mereka yang mempunyai kemahiran untuk menjana wang dan ingin menggunakannya. Selain daripada itu, sukar untuk mengupah orang untuk pekerjaan yang dibuat di rumah sendiri seperti tukang kebun dan penjaga haiwan peliharaan kerana tidak ada platform untuk mencarinya. Saya ingin menjadikannya kehidupan masyarakat lebih mudah. Dengan sistem 'MyWork', pengguna dapat mencari dengan mudah dan mengambil pekerja untuk tugastugas di rumah seperti tukang baiki perabot atau pemotong rumput. Pekerja boleh memasukkan harga mereka di profil mereka dan pekerjaan apa yang mereka mahir secara khusus. Kaedah yang digunakan untuk MyWork adalah kaedah agile dan ia akan menggunakan pengaturcaraan web. Saya berharap dengan kelahiran sistem ini, orang dapat menjalani gaya hidup yang santai dan pekerja dapat meningkatkan kemahiran mereka lebih banyak ketika bekerja.

1 PENGENALAN

Pengembangan teknologi abad ke-21 telah mengubah kehidupan manusia di seluruh dunia buat selama-lamanya. Dengan pengembangan teknologi yang begitu besar, ia bukan saja membuka banyak peluang pekerjaan untuk bidang yang menjurus ke teknologi, masyarakat di Malaysia pada masa kini lebih gemar menggunakan servis-servis secara atas talian dan menggunakan internet. Pekerjaan yang berkaitan dengan teknologi sememangnya akan mengalami perkembangan yang besar, tetapi ia tidak bermaksud pekerjaan-pekerjaan lain tidak mendapat peluang untuk membangun. Pekerjaan yang kurang mendapat peluang adalah kerja-kerja rumah seperti tukang kebun, memotong rumput dan pengasuh anak. Pekerja-pekerja rumah ini memerlukan peluang untuk mengembangkan rangkaian kerja mereka dan saya pasti yang masyarakat Malaysia akan lebih selesa jika pekerja-pekerja rumah ini berada di atas talian.

Aplikasi seperti Food Panda, Grab Food dan Lalamove telah menjadi perintis untuk servis-servis atas talian dan hampir semua rakyat Malaysia menggunakan aplikasi tersebut. Namun, ia hanyalah aplikasi untuk menghantar dan mengambil barangan. Aplikasi-aplikasi dan laman web untuk pekerjaan-pekerjaan rumah di Malaysia tidak begitu popular atau hanya fokus terhadap satu pekerjaan atau syarikat. Sebagai contoh, Bateriku.com yang menyediakan perkhidmatan membaiki kenderaan menggunakan aplikasi mereka di telefon pintar. Dengan aplikasi dan laman web yang banyak untuk servis-servis yang tertentu, terdapat banyak aplikasi yang perlu dimuat turun oleh

pengguna.

Bagi mengatasi masalah ini, pembangunan sistem MyWork amat wajar bahkan amat relevan pada era berteknologi ini. Hampir semua kemudahan kini di hujung hari disebabkan perkembangan teknologi yang begitu pesat. Laman web ini menyediakan skop pekerjaan-pekerjaan rumah untuk dipilih oleh para pekerja yang hendak mencari wang sampingan. Pekerjaan seperti mengemas rumah dan membaiki komputer boleh didapati di laman web ini. Laman web ini memberi kemudahan kepada pelanggan seperti memilih tarikh, waktu, lokasi dan pekerja yang hendak dibayar, sistem tempahan dan sistem penilaian.

Selain itu, mereka yang hendak bekerja menggunakan sistem MyWork boleh memilih pekerjaan yang dikehendaki. Sebagai contoh, pelajar universiti yang mempelajari ilmu sains 3 komputer boleh mendapatkan wang sambilan dengan membaiki komputer yang diminta oleh pelanggan. Selain itu, pengguna yang bekerja menggunakan perkhidmatan MyWork boleh meletakkan harga tersendiri untuk servis mereka. MyWork juga menyediakan butang cancel untuk kedua-dua pekerja dan pelanggan tetapi terdapat denda yang dikenakan jika membatalkan servis tanpa sebab. Para pengguna yang hendak bekerja sebagai pekerjaan profesional seperti tukang kayu dan penggunting rambut boleh mempamerkan sijil profesional mereka untuk menarik lebih banyak pelanggan. Dengan adanya MyWork, pengguna dapat membuat pesanan dengan mudah dan membuat pembayaran secara atas talian selepas kerja sudah diselesaikan.

2 PENYATAAN MASALAH

Analisis terhadap sistem tempahan perkhidmatan menunjukkan bahawa sistem yang sedia ada memerlukan penambahbaikan. Terdapat beberapa masalah dan isu yang membangkitkan idea untuk membina projek sistem MyWork. Walaupun banyak aplikasi dan laman web yang menyediakan perkhidmatan yang berlainan, terdapat beberapa batasan yang boleh dilihat.

Antara batasan bagi sistem yang sedia ada:

1. Terlalu banyak laman web dan aplikasi yang perlu dimuat turun untuk membuat tempahan yang berlainan.
2. Tidak banyak sistem yang mengutamakan kerja-kerja rumah.
3. Bayaran terhadap sistem perkhidmatan terlalu tinggi.
4. Liputan servis yang terbatas.
5. Kompleks untuk digunakan.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat kajian bagi projek MyWork adalah untuk membangunkan satu laman web yang memberi kemudahan kepada kedua-dua pelanggan dan pekerja untuk mencari kerja-kerja rumah yang tidak banyak dijumpai di internet.

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Membangunkan sistem MyWork berdasarkan web based.
2. Mereka sistem yang boleh memenuhi permintaan pengguna.
3. Mereka bentuk laman web MyWork yang membolehkan pekerja-pekerja pekerjaan rumah untuk mempromosikan, merekod pesanan dan mengawal harga dan masa perkhidmatan.

4 METOD KAJIAN

Metodologi yang dipilih untuk membangunkan sistem MyWork ini adalah dengan menggunakan Model perisian tangkas atau lebih dikenali sebagai Agile Method. Metodologi ini penting dalam memastikan aplikasi ini berjaya dihasilkan mengikut masa yang telah ditetapkan. Merujuk rajah 1, ia menggambarkan bagaimana proses model perisian tangkas digunakan sepanjang projek ini dilangsungkan. Pemilihan model ini adalah untuk mengurangkan risiko kegagalan implementasi perisian dari segi teknikal dan meningkatkan kepuasan hati pengguna.



Rajah 1 Model Agile

4.1 FASA PERANCANGAN

Fasa ini merupakan fasa untuk memahami tujuan untuk membina sistem MyWork serta merancang keperluan untuk melaksanakan projek ini. Fasa ini juga adalah untuk memenuhi keperluan objektif dan mengenal pasti masalah.

4.2 FASA ANALISIS

Fasa ini merupakan fasa untuk membuat kajian terhadap keperluan perisian yang akan digunakan di dalam projek MyWork. Fasa ini juga untuk membuat kajian terhadap kehendak pengguna agar fungsi-fungsi laman web lebih senang untuk digunakan.

4.3 FASA REKA BENTUK

Fasa ini adalah untuk mereka bentuk antaramuka laman web sistem MyWork. Antaramuka laman web mestilah dilakukan mengikut kehendak pengguna untuk menyenangkan penggunaan laman web tersebut justeru, dapat menarik pengguna-pengguna lain.

4.4 FASA PELAKSANAAN

Fasa pelaksanaan merupakan fasa untuk membangunkan sistem MyWork serta membuat fungsi-fungsi laman web tersebut mengikut objektif yang ditetapkan. Pengaturcaraan kod dan pangkalan data dilakukan ketika fasa ini.


4.5 FASA PENGUJIAN

Pada fasa ini, pencipta laman web akan menjalankan percubaan terhadap semua fungsi sistem MyWork secara terperinci bagi menjamin kualiti projek. Borang soal selidik juga akan diberikan kepada beberapa beta testers untuk merekod maklumbalas untuk menambah baik dan mengubah suai laman web tersebut.

5 HASIL KAJIAN

Hasil kajian proses pembangunan sistem MyWork akan dibincangkan secara terperinci di bahagian ini. Dalam pembangunan projek, fasa reka bentuk sangat penting. Seterusnya pengujian terhadap sistem dijalankan untuk memastikan hasil pembangunan adalah mematuhi dengan objektif yang ditetapkan.

Selain itu, fungsi-fungsi yang terdapat dalam sistem menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP, HTML, CSS dan JavaScript. Segala pengaturcaraan dalam projek ini dijalankan menggunakan Perisian Visual Code untuk membangunkan dan mereka bentuk antara muka Sistem MyWork dalam talian. Bagi penyimpanan data, data dimasukkan dalam Phpmyadmin sebagai pangkalan data bagi sistem ini. Sistem MyWork tidak dimuat naik dalam pelayan. Hanya menggunakan apache iaitu localhost. Berikut adalah antara muka dalam sistem MyWork.



Rajah 2 Antara Muka Log Masuk

The screenshot shows a web browser window with the URL localhost/mywork/View/register.php. The page contains a registration form with the following fields:

- Name:
- Email:
- Password:
- Phone:
- Address:
- Service Type: (with a dropdown menu showing 'Select')

At the bottom of the form, there are two buttons: a blue 'Register' button and a green 'Login' button.

Rajah 3 Antara muka pendaftaran

Pengguna akan dibenarkan untuk log masuk kedalam web sekiranya pengguna sudah berdaftar. Sekiranya masih belum mendaftar, mesej yang mengatakan log masuk tidak berjaya akan dipaparkan.

Pengguna yang sudah log masuk sebagai pengguna biasa akan dibawa ke laman perkhidmatan dan boleh menempah perkhidmatan pengguna lain. Manakala, pentadbir sistem pula akan dibawa ke antara muka pentadbir sistem. Rajah 4 dan 5 menunjukkan antara muka bagi pentadbir sistem dan pengguna biasa.

The screenshot shows a web browser window with the URL localhost/mywork/View/adminpanel.php. The page features a navigation menu with buttons for 'Services', 'Add Service', 'Admin Panel', 'Profile', and 'Logout'. Below the menu is an 'Add User' button and a table of users.

User ID	User Name	User Email	User Address	User Phone	Action
11	test	test@test.com	33, Jalan Ungu U9/28A	1234	Edit Delete
12	test2	test2@gmail.com	33, Jalan Ungu U9/28A	0123569845	Edit Delete
13	test3	test3@gmail.com	33, Jalan Ungu U9/28A	+6011-2314819	Edit Delete

Rajah 4 Antara muka pentadbir sistem

The screenshot shows a web browser window with the URL `localhost/mywork2/View/service.php`. The page title is "Welcome to MyWork" and it features navigation buttons for "Logout", "Add Service", "Service Status", and "Profile". Below the title is a "Services" section with a search bar labeled "Enter Service Name" and a "Search Now" button. A table lists four services:

Name	Details	Price	Image	Action
Repair mesin basuh panasonic	I will repair any brand of washing machine. Just text me and I will come.	100		Edit Delete
Aircon Repair	I will repair any brand of Aircon. Konfem sejuk punya la lepas sy baiki.	80		Edit Delete
Baiki TV	Saya akan baiki apa2 jenis tv. kecuali tv kotak. LCD, LED, LSD smue saya boleh baiki.	110		Edit Delete
Trim Bush	Saya akan trim bushes rumah anda. Jika tidak puas hati saya akan refund!	40		Book Now View

Rajah 5 Antara muka pengguna biasa

Bagi fungsi penempahan pengguna boleh membeli perkhidmatan yang disediakan oleh pengguna lain secara dalam talian. Pengguna boleh juga melihat harga dan penerangan tentang perkhidmatan tersebut. Rajah 6 hingga rajah 7 menunjukkan antara muka Penempahan Perkhidmatan.

The screenshot shows the "Purchase Service" page. It features navigation buttons for "Logout", "Add Service", "Services", "Service Status", and "Profile". The main content area displays details for the "Repair mesin basuh panasonic" service:

- Name:** Repair mesin basuh panasonic
- Price:** 100
- Details:** I will repair any brand of washing machine. Just text me and I will come.
- Service Provided By:** farhan

A "Book Now" button is located at the bottom of the service details.

Rajah 6 Antara muka pilihan servis

Welcome to Services

[Logout](#) [Add Service](#) [Services](#) [Service Status](#) [Profile](#)

Book Service

Service ID
18

Price
100

Appointment Date
29/06/2022

Appointment Time
07:10 PM

[Submit Request](#) [Go Back](#)

Rajah 7 Antara muka penempahan perkhidmatan

Bagi fungsi penambahan perkhidmatan pula, fungsi ini membenarkan pengguna untuk meletakkan perkhidmatan mereka sendiri untuk dijual ke pengguna lain. Pengguna boleh meletakkan perkhidmatan mereka dengan mengisi borang perkhidmatan tersebut. Rajah 8 dan rajah 9 menunjukkan cara untuk menambah perkhidmatan.

Add Product

[Services](#) [Profile](#) [Service Status](#) [Logout](#)

Service Name

Price

Description

Image
 No file chosen

Service Type

[Add Service](#)

Rajah 8 Antara muka penambahan perkhidmatan




Welcome to MyWork

[Logout](#)
[Add Service](#)
[Service Status](#)
[Profile](#)
[Admin Panel](#)

Services

Enter Service Name

[Search Now](#)

Name	Details	Price	Image	Action
Potong Rumput	Saya akan bawak lawn mower saya untuk potong rumput anda. banyak cantik saya potong	70		Book Now View
Jaga bayi	sy akan jaga bayi anda	40		Edit Delete
test	I will test your patience	12		Edit Delete

[Previous](#)
[1](#)
[2](#)
[Next](#)

Rajah 9 Perkhidmatan berjaya ditambah

6 KESIMPULAN

Secara dasarnya, sistem MyWork dibangunkan untuk menepati objektif kajian yang telah dilampirkan di permulaan usulan. Sistem ini memfokuskan kepada semua pengguna di Malaysia yang berminat untuk bekerja sambil serta pengguna yang ingin pekerja untuk kerja-kerja rumah mereka. Sistem MyWork diharap dapat memberikan kemudahan kepada pengguna dalam mencari wang saku serta menyenangkan pengguna untuk mencari pekerja untuk rumah mereka.

7 RUJUKAN

Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM

Nor 'Alizawaty Binti Ali. 2015. Sistem Pengurusan Rekod Dan Notifikasi Bagi Postnatal (Sistem E-Bidan). Tesis Sarjana Muda. Program Sains Komputer, Fakulti Teknologi Dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Anon. 2019. Scrum: modern and flexible agile project management. IONOS Digitalguide. (n.d.). Diambil daripada: <https://www.ionos.com/digitalguide/websites/web-development/scrum/>

Isabelle L. .2021. COVID-19: Malaysia catat purata tertinggi bekerja dari rumah – Ipsos. Astroawani.com. (n.d.). Diambil daripada :
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mulai-25-mei-750000-penjawat-awam-40-peratus-kakitangan-swasta-bekerja-dari-rumah-299284>

Jackson, Paul. 2021. Write Your First PHP Program. Diambil daripada <https://www.guru99.com/what-is-php-first-php-program.html>

Anon. 2019. Client-Server Model. Diambil dari <https://www.geeksforgeeks.org/client-server-model/>

TechTarget Contributor. 2017. World Wide Web (WWW). Diambil dari <https://whatis.techtarget.com/definition/World-Wide-Web>

Yank, K. 2002. Build your own database driven website using Php & MySQL: Pt. 4. Database Journal. Diambil daripada :
<https://www.databasejournal.com/features/mysql/article.php/1402281/Build-YourOwn-Database-Driven-Website-Using-PHP--MySQL-Pt-4.htm>

B. Richard. 2021. What is MySQL: MySQL Explained For Beginners. Diambil daripada <https://www.hostinger.my/tutorials/what-is-mysql>

Anon. 2021. W3Schools free online web tutorials. W3Schools Online Web Tutorials. (n.d.). Diambil daripada : <https://www.w3schools.com/default.asp>